

**KELESTARIAN PERUSAHAAN BATIK DAN
PENGARUH BUDAYA TERHADAP PEMBANGUNAN
KOMUNITI DI KAMPUNG BATIK LAWEYAN
SURAKARTA, INDONESIA**

SARJIYANTO

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**KELESTARIAN PERUSAHAAN BATIK DAN
PENGARUH BUDAYA TERHADAP PEMBANGUNAN
KOMUNITI DI KAMPUNG BATIK LAWEYAN
SURAKARTA, INDONESIA**

oleh

SARJIYANTO

**Tesis yang diserahkan untuk
Memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2021

PENGAKUAN

**Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri,
Kecuali kutipan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya
Telah saya jelaskan sumbernya.**

2021

SARJIYANTO

P-SD0018/17 (R)

PENGHARGAAN

Sesungguhnya hanya dengan izin, hidayah dan kuasa Mu ya Allah SWT, tesis dengan tajuk “Kelestarian Perusahaan Batik dan Pengaruh Budaya Terhadap Pembangunan Komuniti di Kampung Batik Laweyan Surakarta, Indonesia” dapat selesai disediakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Dr. Radin Firdaus Radin Badaruddin (Penyelia Utama) dan Prof. Madya Dr. Khoo Suet Leng dan Prof. Dr. Zahri Hamat (Penyelia Bersama). Dedikasi dan penat dalam memberikan tunjuk ajar, dorongan dan bimbingan dalam menyempurnakan tesis ini akan menjadi ingatan sepanjang masa.

Hutang budi yang tidak terbayar dan rasa amat terima kasih diucapkan kepada Rektor Universitas Sebelas Maret (Prof Dr. Ravik Karsidi, M.S dan Prof. Dr. Jamal Wiwoho, SH. M.H), selaku majikan dan penaja. Seterusnya ucapan penghargaan juga ditujukan kepada jawatan Dekan (Prof. Dr. Hunik Sri Huning Sawitri, M.Si dan Prof Djoko Suhardjanto, M. Com., Ph,D Akt) dan para Timbalan Dekan Fakultas Ekonomi dan Bisnis serta Jawatan ketua Jurusan Ekonomi Pembangunan Fakultas Ekonomi dan Bisnis (Dr. Siti Aisyah Tri Rahayu, M.Si dan Bhimo Rizky Samudro, Ph.D) Universitas Sebelas Maret yang terlibat dalam proses galakan pelesenan dan pengajian.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dekan dan pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia yang terlibat dalam memberikan tunjuk ajar selama kajian ini di jalankan. Ruangan begitu terbatas untuk membariskan nama-nama tuan/puan satu per satu. Sumbangan individu dalam kelangsungan kajian dan proses pengajian; Teuku Surya Darma/ Pak Surya, Mutiara Dwi Sari/ Bu Wiwik, rakan karib saya dalam

“Perjuangan” Mas Sarwoto, Dr. Joko Suyono Tetua Riset Grup Kearifan Tempatan, Tuan Alfa Phabela Tetua Forum Pengembangan Kampung Batik Laweyan Surakarta, Prof. Asri Laksmi, pakar akademik yang telah memberi input terhadap soal selidik, pakar-pakar dan para usahawan batik, serta ahli komuniti di Laweyan Surakarta yang terlibat dalam kajian ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi menerusi *Fundamental Research Grant Scheme* dengan Kod Projek: FRGS/1/2018/SS08/USM/02/5.

Akhir sekali, untuk ibunda tercinta, Ibu Tumini Mento Karyono beserta Bapak/Ibu Mertua tercinta (Bapak Hartoyo dan Ibu Sri Suharni). Isteri tercinta Ira Kartikasari Asmara, Anakda tersayang; Arfian Raya Prananda, Brillian Raya Prananda dan Shafa Raya Pradipta dan segenap keluarga besar saya (Trah Ngargo Taruno-Joyo Tukiran dan Trah Harjo Pawiro-Tikno Diyono). Serta rakan-rakan karib yang banyak berkorban dan memberikan sokongan moral. Terima kasih kerana telah menjadikan aku insan berilmu. Semoga ilmu yang didapatkan ini, dapat bermanfaat sebagai bekal hidup di dunia dan akhirat kelak.

Surakarta, 15 September 2021

Sarjiyanto

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Hipotesis Kajian	14
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.8 Skop dan Batasan Kajian	16
1.8.1 Batasan Subjek Kajian	17
1.8.2 Batasan Kandungan dan Analisis	17
1.9 Definisi Operasional	19
1.9.1 Pembangunan Komuniti	20
1.9.2 Kesejahteraan Komuniti	21
1.9.3 Modal Sosial	22

1.9.4	Kelestarian Industri dan Perusahaan Batik	23
1.9.5	Budaya	24
1.10	Organisasi Tesis	25
1.11	Kesimpulan	26
BAB 2 SOROTAN KARYA DAN KERANGKA KONSEPTUAL		27
2.1	Pengenalan	27
2.2	Konsep Pembangunan, Kesejahteraan dan Modal Sosial	28
2.2.1	Konsep Pembangunan dan Pembangunan Komuniti	28
2.2.2	Kesejahteraan dan Modal Sosial dalam Pembangunan	37
2.3	Kesejahteraan Indikator Keberhasilan Pembangunan	43
2.3.1	Kesejahteraan dari Dimensi Ekonomi	45
2.3.2	Kesejahteraan dari Dimensi Sosial	47
2.3.3	Kesejahteraan dari Dimensi Alam Sekitar	49
2.4	Modal Sosial dan Keberhasilan Pembangunan Komuniti	51
2.5	Faktor – Faktor Kelestarian Industri dan Pembangunan Komuniti	59
2.5.1	Faktor Ekonomi dalam Kelestarian Industri	61
2.5.2	Faktor Alam Sekitar dalam Kelestarian Industri	64
2.5.3	Faktor Sosial dalam Kelestarian Industri	66
2.6	Kelestarian Perusahaan dalam Perindustrian	68
2.7	Peran Budaya dalam Pembangunan Komuniti	72
2.7.1	Indikator Budaya dalam Pembangunan Komuniti	80
2.8	Lompang Kajian	81
2.9	Kerangka Konseptual Kajian	83
2.10	Kesimpulan	85

BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN.....	86
3.1 Pengenalan	86
3.2 Reka Bentuk Kajian	86
3.3 Kawasan Kajian.....	87
3.3.1 Latar belakang Kawasan Kajian	88
3.3.2 Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian	89
3.4 Populasi, Sampel dan Data Kajian.....	90
3.4.1 Populasi dan Sampel	90
3.4.2 Jenis dan Sumber Data	92
3.4.3 Prosedur Pengumpulan Data	92
3.5 Instrumen Kajian	95
3.5.1 Borang Soal Selidik	95
3.6 Kajian Rintis.....	105
3.6.1 Uji Kesahan dan Kebolehpercayaan	106
3.6.1(a) Uji Kesahan	107
3.6.1(b) Uji Kebolehpercayaan	120
3.7 Analisis Data Kajian	122
3.7.1 Ujian Hipotesis	123
3.7.2 Kesesuaian Model (<i>Model Fit</i>) PLS-SEM	125
3.8 Kesimpulan.....	127
BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN.....	129
4.1 Pengenalan	129
4.2 Latar belakang Demografi Responden	129
4.3 Faktor Kelestarian Industri dan Perusahaan Batik di KBL	135

4.3.1	Faktor Kelestarian Industri Batik	135
4.3.1(a)	Kelestarian Ekonomi Mendukung Kelangsungan Industri Batik	135
4.3.1(b)	Kelestarian Alam Sekitar Menjadi Amalan dalam Pengeluaran Industri Batik	139
4.3.1(c)	Perhubungan Sosial Harmoni Merupakan Teras Terhadap Kelestarian Industri Batik	142
4.3.2	Aspek Kelestarian Perusahaan Batik	145
4.3.2(a)	Kelestarian Ekonomi Perusahaan Menjadi Pemangkin Kelangsungan Perniagaan	145
4.3.2(b)	Aspek Kelestarian Alam Sekitar Perusahaan yang Berdasarkan Amalan Pengeluaran Batik	146
4.3.2(c)	Aspek Kelestarian Sosial Perusahaan yang Berteraskan Penglibatan Aktif Masyarakat dan Perlindungan Pekerja	148
4.4	Pembangunan Komuniti dan Kekuatan Budaya di KBL	151
4.4.1	Pembangunan Komuniti yang Terbina dari Pelbagai Aspek Kesejahteraan	151
4.4.2	Pembangunan Komuniti yang Berteraskan Keharmonian dalam Perhubungan Sosial	156
4.4.3	Kekuatan Budaya yang Membentuk Nilai Integriti, Kreativiti dan Kebanggaan dalam Masyarakat	160
4.5	Kelestarian Perusahaan Batik di KBL Mempengaruhi Proses Pembangunan Komuniti Setempat	164
4.5.1	Ujian Kesesuaian Model (<i>Model Fit</i>).....	164
4.5.2	Analisis Laluan (<i>Path Analysis</i>)	165
4.5.2(a)	Kelestarian Perusahaan Batik Mempunyai Perhubungan Terhadap Peningkatan Kesejahteraan dan Modal Sosial Masyarakat.....	167
4.5.2(b)	Budaya Memperkuat Perhubungan di antara Perusahaan dan Modal Sosial di KBL	172

4.6	Kesimpulan	175
BAB 5 PENUTUP		177
5.1	Pengenalan	177
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	177
5.2.1	Kelestarian Perindustrian di Peringkat Makro Memacu Kelestarian Perusahaan Batik di Peringkat Mikro.....	178
5.2.2	Kekuatan Budaya, Kesejahteraan Komuniti dan Modal Sosial Merupakan Elemen Terpenting dalam Pembangunan Komuniti.....	180
5.2.3	Kelestarian Perusahaan Batik Menyumbang Kepada Pembangunan Komuniti.....	183
5.2.4	Budaya Memperkuat Perhubungan Sosial dalam Pembangunan Komuniti.....	186
5.3	Implikasi Kajian	188
5.3.1	Implikasi Falsafah Bidang Ilmu	188
5.3.2	Impikasi Teoretikal/ Konseptual	190
5.3.3	Implikasi Polisi dan Praktikal	191
5.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	192
5.4.1	Cadangan Lokasi Kajian	192
5.4.2	Skop Responden Kajian	193
5.4.3	Skop Masa dan Cakupan Kajian	194
5.4.4	Cadangan Dasar	195
5.4.4(a)	Meningkatkan Tahap Kelestarian Industri dan Perusahaan di KBL.....	195
5.4.4(b)	Mengekalkan Keharmonian Kekayaan Budaya	197
5.4.4(c)	Mengadakan Program Kecintaan Budaya dalam Kalangan Usahawan dan Masyarakat di KBL.....	198

5.5 Agenda Kajian Masa Hadapan200

RUJUKAN202

LAMPIRAN

SENARAI PENERBITAN

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 2.1	Evolusi Pendekatan Model Pembangunan Komuniti	36
Jadual 2.2	Indikator Kesejahteraan Mengikut Dimensinya	50
Jadual 2.3	Cakupan dan Dimensi Modal Sosial Mengikut Pakar	56
Jadual 3.1	Komposisi Sampel Responden dari Ahli Komuniti	91
Jadual 3.2	Indikator Pengukuran Faktor-Faktor Kelestarian Industri.....	97
Jadual 3.3	Indikator Pengukuran Aspek-Aspek Kelestarian Perusahaan	100
Jadual 3.4	Indikator Pengukuran Kesejahteraan Komuniti	102
Jadual 3.5	Indikator Pengukuran Modal Sosial	103
Jadual 3.6	Indikator Pengukuran Budaya	104
Jadual 3.7	Dapatan <i>Outer Loading</i> dalam Ujian Kesahan Tahap I	108
Jadual 3.8	Jumlah Soalan Digugurkan Mengikut Ujian Kesahan I	110
Jadual 3.9	Nilai <i>Cross Loading</i> dari Ujian Kesahan Pengukuran Tahap I.	111
Jadual 3.10	Jumlah Soalan Digugurkan Mengikut Nilai <i>Cross Loading</i> ...	114
Jadual 3.11	Jumlah Keseluruhan Soalan yang Digugurkan	115
Jadual 3.12	Dapatan <i>Outer Loading</i> dalam Uji Kesahan Tahap II.....	116
Jadual 3.13	Nilai <i>Cross Loading</i> dari Uji Kesahan Pengukuran Tahap II...	118
Jadual 3.14	Dapatan Uji Kebolehperryacaan Pemboleh ubah	121
Jadual 3.15	Ringkasan Kaedah Penyelidikan Mengikut Persoalan Kajian ..	128
Jadual 4.1	Taburan Profil Responden dari Usahawan Batik di KBL	130

Jadual 4.2	Taburan Profil Responden dari Ahli Komuniti di KBL	134
Jadual 4.3	Taburan Jawapan Responden Kelestarian Ekonomi	138
Jadual 4.4	Taburan Jawapan Responden Kelestarian Alam Sekitar	141
Jadual 4.5	Taburan Jawapan Responden Kelestarian Faktor Sosial	144
Jadual 4.6	Taburan Jawapan Responden Kelestarian Perusahaan	150
Jadual 4.7	Taburan Jawapan Responden Kesejahteraan Komuniti	155
Jadual 4.8	Taburan Jawapan Responden pada Modal Sosial	159
Jadual 4.9	Taburan Jawapan Responden pada Kekuatan Budaya	163
Jadual 4.10	Ringkasan Kesesuaian Model (<i>Model Fit</i>)	165
Jadual 4.11	Dapatan Analisis Laluan	166
Jadual 5.1	Ringkasan Analisis Laluan Faktor Kelestarian	184
Jadual 5.2	Ringkasan Analisis Laluan Kelestarian dan Pembangunan ..	185
Jadual 5.3	Ringkasan Analisis Laluan Peranan Budaya	187

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1	Hubungan Kerjasama dalam Pembangunan Komuniti	31
Rajah 2.2	Perkembangan Konsep & Fokus Pembangunan Komuniti ...	35
Rajah 2.3	Modal Sosial dalam Pembangunan Komuniti & Ekonomi ...	40
Rajah 2.4	Modal Sosial dalam Pembangunan & Keupayaan Komuniti	41
Rajah 2.5	Dimensi modal sosial dan amalan dalam Komuniti	58
Rajah 2.6	Konsep TBL dalam Kelestarian Industri dan Perusahaan	60
Rajah 2.7	Konseptual Kelestarian Perusahaan dalam Perindustrian	71
Rajah 2.8	Perhubungan Budaya, Interaksi Sosial dan Komuniti	77
Rajah 2.9	Dimensi Budaya dan Amalannya dalam Komuniti	81
Rajah 2.10	Kerangka Konseptual Kajian	84
Rajah 3.1	Peta Lokasi Kampung Batik Laweyan.....	88
Rajah 3.2	Prosedur dan Tahapan Pelaksanaan Kajian.	94
Rajah 4.1	Analisis Laluan Pemboleh ubah Kelestarian	167
Rajah 5.1	Analisis Laluan Faktor-Faktor Kelestarian Industri	184
Rajah 5.2	Analisis Laluan Impak Kelestarian Perusahaan	185
Rajah 5.3	Analisis Laluan Peranan Budaya dalam Perhubungan	187

SENARAI SINGKATAN DAN KEPENDEKAN

FP-KBL	Forum Pembangunan Kampung Batik Laweyan
GDI	Gender Development Index
GII	Gender Inequality Index
HDI	Human Development Index
IHDI	Inequality adjusted Human Development Index
ISPMSs	Industrial Sustainability Performance Measurement Systems
KBL	Kampung Batik Laweyan
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
MDI	Multidimensional Poverty Index
OECD	Organization for Economic Co-operation and Development
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PCD	People Cantered Development
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PPBBS	Persatoean Peroesahaan Batik Boemipoetra Soerakarta
SDGs	Sustainable Development Goals
SDI	Serikat Dagang Islam
SEM	Structural Equation Modelling
TBL	Triple Bottom Line
UNDP	United Nations Development Programme

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Surat Kebenaran Penyelidikan
- Lampiran B Pandangan dan Masukan Pakar Akademik Terhadap Instrumen Penyelidikan
- Lampiran C Pandangan dan Masukan Pakar Pengerusi Asosiasi/ Pengusaha Batik Terhadap Instrumen Penyelidikan
- Lampiran D Soal Selidik untuk Usahawan Batik
- Lampiran E Soal Selidik untuk Ahli Komuniti

**KELESTARIAN PERUSAHAAN BATIK DAN PENGARUH BUDAYA
TERHADAP PEMBANGUNAN KOMUNITI DI KAMPUNG BATIK
LAWEYAN SURAKARTA, INDONESIA**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis faktor kelestarian industri dan perusahaan batik di Kampung Batik Laweyan (KBL), Surakarta dan perhubungannya terhadap kejayaan pembangunan komuniti setempat. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kaji selidik menggunakan borang soal selidik yang melibatkan 510 responden melibatkan sejumlah 254 perusahaan dan seramai 256 anggota masyarakat dengan menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua faktor kelestarian industri iaitu: faktor ekonomi industri, faktor alam sekitar industri, dan faktor sosial industri mempunyai perhubungan yang positif dan signifikan terhadap kelestarian perusahaan batik. Kelestarian perusahaan ini pula dilihat membentuk perhubungan yang positif dan signifikan terhadap kesejahteraan komuniti dan modal sosial. Kajian ini juga membuktikan bahawa kekuatan pengaruh kelestarian perusahaan terhadap modal sosial dalam kalangan masyarakat dipengaruhi oleh budaya. Hal ini walau bagaimanapun tidak dapat dibuktikan apabila budaya dihubungkan terhadap perhubungan di antara kelestarian perusahaan dan kesejahteraan komuniti. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa sumbangan kelestarian perusahaan batik di KBL terhadap pembangunan komuniti juga dipengaruhi oleh faktor budaya tempatan, khususnya terhadap modal sosial komuniti.

**THE SUSTAINABILITY OF THE BATIK ENTERPRISES AND
THE INFLUENCE OF CULTURE ON COMMUNITY DEVELOPMENT IN
KAMPUNG BATIK LAWEYAN SURAKARTA, INDONESIA**

ABSTRACT

This study aims to identify and analyse the sustainability factors of the *batik* industry in Kampung Batik Laweyan (KBL), Surakarta and the way these factors relate and shape successful local community development. Data collection was administered through a survey questionnaire involving 510 respondents that comprised 254 enterprises and 256 community members selected through stratified random sampling techniques. The findings show that all factors of industrial sustainability, namely: industrial economic factors, industrial environmental factors, and industrial social factors have a positive and significant relationship to the sustainability of the *batik* industry. The sustainability of the batik enterprise indicated a positive and significant relationship to the well-being of the community and social capital. This study also proved that the influence of enterprises' sustainability on social capital was highly influenced by culture. This however cannot be proved when culture was linked to the relationship between enterprises sustainability and community well-being. Overall, this study concludes that the way sustainability of the *batik* industry in KBL contributes towards community development was also influenced by local cultural factors, particularly the social capital of the community.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. PENGENALAN

Secara amnya, kajian ini mengkaji tentang kelestarian perusahaan batik dan kesannya terhadap pembangunan komuniti di Kampung Batik Laweyan (KBL), Surakarta, Indonesia. Kelestarian perusahaan batik ini juga dilihat berkait rapat dengan keunikan budaya masyarakat Laweyan itu sendiri. Kampung Batik Laweyan (KBL), di Surakarta merupakan sebuah kampung tradisional yang telah wujud sebelum tahun 1500 Masihi (Soedarmono, 2006; Nurainun, Heriyana dan Rasyimah, 2008; Shodiq, 2017). Kampung ini memiliki sejarah yang panjang dalam proses interaksi sosial-ekonomi-budaya sehingga terbentuknya satu komuniti yang maju dan pesat membangun.

Menurut Soesilo (2016), komuniti di KBL, Surakarta juga memainkan peranan penting dalam kehidupan sosio-ekonomi dan politik di Indonesia. Pada tahun 1911, *Serikat Dagang Islam* (SDI) iaitu sebuah organisasi sosioekonomi dan politik pertama di Indonesia ditubuhkan oleh Kyai Haji Samanhudi di KBL, Surakarta. Kemudian pada tahun 1935 terbentuk pula koperasi “*Persatoean Peroesahaan Batik Boemipoetra Soerakarta* (PPBBS) sebagai koperasi perintis di KBL, Surakarta dan Jawa secara amnya. Kini komuniti Laweyan merupakan salah satu contoh komuniti yang berjaya mengintegrasikan hubungan antara komuniti dan perniagaan di dalam suatu kawasan (Kustianingrum et al., 2015).

Inisiatif pihak komuniti dan perusahaan batik dalam mengekalkan kelestarian industri batik di KBL, Surakarta bermula dengan terbentuknya satu pertubuhan atau organisasi bukan berasaskan keuntungan (*Non-Governmental Organization*, NGO), iaitu Forum Pengembangan Kampung Batik Laweyan (FP-KBL). Organisasi ini dibentuk pada 25 September 2004 yang telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Surakarta pada ketika itu sebagai kawasan untuk pembangunan ekonomi dan pelancongan dengan budaya yang lestari sehingga kini (Hariyani et al., 2006; Maulana dan Nurini, 2010; Muin, 2013; Setiawan, Nursian dan Zulfikar, 2015).

Kewujudan perusahaan batik di KBL, Surakarta di tengah-tengah komuniti masyarakat Laweyan masih bertahan sehingga kini walaupun wujud persaingan dengan industri batik cetak sekitar awal tahun 1970-an. Seiring dengan perkembangan teknologi, industri batik cetak (*printing*) ini dihasilkan dengan menggunakan teknik moden berorientasikan kepada penggunaan mesin dan pelbagai teknologi lain. Perkembangan ini pada awalnya telah menggugat kelestarian batik tulis/lukis dan cap/terap pada masa itu. Bagaimanapun, usahawan batik di KBL mampu mengatasi persaingan dengan cara menambah baik produk mereka, menggunakan teknik-teknik terkini serta mengikuti dan mengadaptasi perkembangan semasa (Maruli dan Ali, 2013). Sehingga kini produk batik tulis KBL, Surakarta terus unggul dan kompeten menongkah persaingan dengan perusahaan batik di Indonesia dan di dunia (Diby dan Sujadi, 2018).

1.2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan pembangunan komuniti sebagai salah satu pendekatan pembangunan yang diharapkan dapat mempercepatkan proses pembangunan dengan mengurangkan jurang pendapatan dan kemiskinan dunia Einsiedel (1968). Definisi pembangunan komuniti menurut PBB ialah:

”As the process by which the efforts of the people themselves are united with those of governmental authorities to improve the economic, social and cultural conditions of communities, to intergrade these communities into the life of the nations, and to enable them to contribute fully to national progress”.

Menurut Embong (2007), komuniti yang dimaksudkan dalam konteks pembangunan komuniti ialah komuniti tempatan yang bersifat turun-temurun, mendiami suatu kawasan tertentu, yang mempunyai hubungan antara satu sama lainnya dan berinteraksi sehari-hari sesama mereka. Komuniti ini boleh terdiri daripada komuniti minoriti peribumi seperti orang asli yang mendiami suatu kawasan tertentu dan terikat dengan corak kehidupan tradisional mereka di tempat itu. Namun, apa jua latar komuniti tersebut, penglibatan aktif mereka dalam proses pembangunan dilihat sangat penting.

Keupayaan komuniti untuk membangun juga terkait dengan daya tahan komuniti tersebut (Turcu, 2013). Norris et al. (2008) menjelaskan bahawa komuniti berdaya tahan lazimnya mempunyai rangkaian keupayaan adaptif untuk menyesuaikan diri dengan situasi yang sukar. Oleh itu, komuniti di KBL juga boleh dianggap sebagai salah sebuah komuniti yang berdaya tahan. Hal ini kerana, komuniti masyarakat dan usahawan di KBL mempunyai keunikan sebagai sebuah komuniti yang masih berjaya mendokong kelestarian perusahaan batiknya sehingga

ke masa kini (Setiawati, Abdullah dan Lasiyo, 2011; Setiawati, Nursian dan Zulfikar, 2015).

Komuniti di KBL, Surakarta merupakan sebuah komuniti dan kawasan perusahaan batik yang bersepadu (*integrated*), yang telah wujud sejak awal abad ke-20 iaitu semasa zaman penjajahan lagi (Soedarmono, 2006; Maulana dan Nurini, 2010; Setiawati, Nursian dan Zulfikar, 2015; Kustianingrum et al., 2015; Shodiq, 2017). Menurut Baidi (2006), kelestarian perusahaan batik di KBL, Surakarta adalah kerana keunikannya sebagai komuniti bersepadu, iaitu pusat perniagaan dan komuniti industri berdasarkan budaya yang telah wujud sejak awal abad ke-20. Oleh yang demikian kelestarian perusahaan batik di KBL, Surakarta telah memberikan pengalaman dan pembelajaran yang berharga dalam proses pembangunan ekonomi, sosial dan politik di Indonesia (Soesilo, 2016).

Kelestarian perusahaan komuniti dan sumbangannya kepada pembangunan komuniti dilihat mempunyai perkaitan rapat dengan budaya masyarakat. Budaya adalah produk manusia, tetapi kehidupan manusia itu sendiri juga dipengaruhi oleh budaya, sekiranya budaya ditafsirkan sebagai "reka bentuk untuk hidup" (*a design for living*) (Nasution, Daulay, dan Syam, 2015). Kemudiannya proses ketamadunan akan menimbulkan dan memberikan erti yang lebih bermakna bagi manusia. Menurut Phillips, Brennan dan Li (2020), budaya dalam persekitaran sosial sering digunakan untuk mewakili keseluruhan cara hidup, termasuk peraturan, nilai, dan tingkah laku. Budaya berbeza-beza dari satu negara ke negara lain, dan persekitaran ke persekitaran yang lain. Bahkan di kawasan minoriti, budaya masih merupakan faktor pendorong dalam mewujudkan identiti sosial dan berfungsi sebagai asas untuk mewujudkan perpaduan.

Budaya memainkan peranan penting dalam membentuk pembangunan komuniti dan pilihan untuk menanggapi keperluan komuniti. Menurut Lorentzen (2009), budaya memainkan peranan dalam pembangunan komuniti bandar dan sekaligus menyumbang kepada pembangunan industri. Budaya juga menyumbang kepada pembinaan identiti dan kesatuan tempatan serta membina kepercayaan ahli komuniti untuk bekerjasama dalam mengekalkan kelestarian hidup (Bridger dan Luloff 1999; Schmidt, Skinner, Ploch, dan Krannich, 2002; Brennan et al., 2009). Hal ini juga dilihat berlaku dalam kalangan komuniti di KBL, Surakarta, di mana unsur budaya tempatan masih terus dipertahankan oleh masyarakat dan para usahawan batik di KBL, Surakarta dalam meneruskan kelestarian perusahaan batik ini sebagai sumber ekonomi masyarakat (Setiawati, Abdullah dan Lasiyo, 2011; Setiawati, Nursian dan Zulfikar, 2015).

Di samping itu, terdapat kajian yang melihat bahawa budaya menjadi medium atau alat untuk pembangunan, terutamanya ke arah pembangunan komuniti yang lestari (Belfiore dan Bennett 2007; Tabellini, 2010; Hennida et al., 2016 dan Kim dan Kim, 2019). Walaupun pembangunan komuniti dapat mengabaikan peranan budaya, namun pembangunan hakikatnya dipengaruhi oleh budaya atau mempengaruhi budaya. Justeru, terdapat tiga hujah yang menggambarkan kepentingan budaya dalam pembangunan komuniti. Pertama, elemen budaya memiliki kedudukan yang sah dalam sesebuah komuniti yang merupakan sasaran dan subjek dalam pembangunan. Kedua, elemen budaya secara simbolik mewakili bentuk komunikasi yang penting dari ahli komuniti setempat. Ketiga, elemen budaya mempunyai pelbagai fungsi yang sering menjadi penyebab berlakunya suatu perubahan (*agent of change*) dan bahagian daripada aspek budaya itu sendiri mengalami pengubahsuaian dari masa ke masa mengikut keadaan.

Oleh yang demikian, selain melihat kepada faktor kelestarian perusahaan batik dan kesannya terhadap pembangunan komuniti di KBL, kajian ini juga melihat kepada peranan budaya dalam mempengaruhi perhubungan antara kelestarian dan pembangunan. Secara terperinci, kajian ini bertujuan untuk menilai kesan kelestarian perusahaan komuniti tempatan dalam meningkatkan kesejahteraan dan memperkasakan modal sosial komuniti. Kelestarian dalam kajian ini adalah merujuk kepada konsep Garbie (2016), yang mengelompokkan kelestarian ke dalam dua tahap; iaitu tahap mikro pada perusahaan (*micro-level of sustainability*) dan tahap makro pada suatu industri (*macro-level of sustainability*). Sedangkan pengukuran yang diguna pakai untuk menilai kelestarian dalam kajian ini mengikut konsep kelestarian oleh Elkington (1994, 1998) dalam konsep *Triple Bottom Line* (TBL), sebagai keseimbangan kelestarian interaksi tiga faktor utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Manakala peranan budaya pula dilihat sebagai medium atau penyederhana dalam perhubungan antara kelestarian perusahaan batik dengan pembangunan komuniti dari sudut kesejahteraan dan modal sosial yang wujud pada komuniti setempat.

1.3. PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini melihat bahawa kelestarian perusahaan batik di Kampung Batik Laweyan (KBL), Surakarta yang turut didokong oleh kekuatan budaya tempatan apakah menjadi antara tunjang utama terhadap pembangunan komuniti setempat. Hal ini disandarkan kepada beberapa hujahan.

Pertama, kewujudan perusahaan batik di KBL, Surakarta tidak pernah terpisah daripada perjalanan kehidupan komunitinya yang boleh dilihat dari aspek sosial, ekonomi, alam sekitar, budaya dan politik (Soesilo, 2016). Hal ini turut disimpulkan oleh Woolcock (2000) yang menyatakan bahawa kewujudan komuniti tidak boleh dipisahkan daripada latar dan keadaan komuniti tempatan yang mencakupi konteks kekeluargaan mahupun persekitaran kawasan komuniti tersebut. Oleh yang demikian, latar komuniti tempatan merupakan kunci keberhasilan dalam pembangunan dan peningkatan kesejahteraan sesebuah komuniti.

Kedua, perusahaan batik di KBL dibangunkan berdasarkan semangat kebersamaan yang di dalamnya terikat dengan nilai dan norma budaya yang berkembang dalam komuniti (Hannida, 2009; Setiawati, Abdullah dan Lasiyo, 2011; Sodiq, 2017). Justeru, tidak hairanlah apabila produk batik yang dihasilkan mencerminkan perpaduan antara seni, adat, pandangan hidup dan ciri persekitaran tempatan (Lono, 2013). Selain itu, perusahaan batik yang tumbuh dalam komuniti KBL adalah berasaskan falsafah budaya Jawa yang merujuk kepada pemurnian nilai rohani dengan memandang manusia secara teratur, harmoni dan seimbang yang telah menjadikan industri batik di KBL terus kekal lestari sehingga kini (Hanninda, 2009; Setiawati, Abdullah dan Lasiyo, 2011; Setiawati, Nursian dan Zulfikar, 2015).

Ketiga, tatkala kajian ini melihat kelestarian perusahaan batik di KBL merupakan antara faktor utama yang memberikan impak kepada pembangunan komuniti tempatan, namun amnya, masih kurang kajian yang meneroka perihal ini. Kebanyakan kajian terdahulu tidak melihat dimensi kelestarian serta budaya sebagai satu gabungan faktor yang berhubung serta berperanan kepada pembangunan komuniti. Misalnya kajian Maulana dan Nurini (2010), Hastuti (2016) dan Shodiq (2017) yang hanya memfokuskan kepada elemen budaya, aspek budaya dan ekonomi; Setiawati, Abdullah, dan Lasiyo (2011) dan Setiawati, Nursiam dan Zulfikar (2015), Murti (2010), dasar kerajaan; Muin (2013) dan Rahayu, Syairudin dan Pertiwi (2015), ekonomi; Nasir (2015) dan Dibyo dan Sujadi (2018), sosial; Pratiwi dan Pravasanti (2018), ekonomi dan alam sekitar; dan Lolo dan Pambudi (2020), alam sekitar.

Di samping itu andaian kajian ini bahawa kelestarian perusahaan batik KBL adalah menyumbang kepada pembangunan komuniti tempatan dapat disandarkan kepada beberapa hujah. Hujah pertama dilihat dari perspektif falsafah iaitu terdapat tiga ciri utama yang mendasari konsep kelestarian (Becker, 2012) dan kesemua ciri ini dilihat wujud dalam konteks KBL. Pertama, istilah kelestarian bererti mampu untuk terus berjalan, menjaga, mempertahankan dan menyebabkan berterusan dalam keadaan tertentu. Begitu juga halnya di KBL perusahaan batik sehingga kini masih meneruskan kelangsungannya menerusi pelbagai produk berasaskan batik yang mencerminkan budaya tempatan walaupun berdepan dengan pelbagai persaingan (Maulana dan Nurini, 2010; Setiawati, Abdullah dan Lasiyo, 2011; Dibyo dan Sujadi, 2018). Kedua; jika dilihat dari perspektif orientasi moden, istilah kelestarian merujuk kepada norma yang ideal yang sentiasa dinilai kesesuaiannya mengikut keadaan tertentu. Dalam konteks perusahaan batik di KBL, perusahaan dan komuniti

bertindak secara kolektif untuk mempertahankan perusahaan batik dengan tetap menjaga alam sekitar agar kewujudannya tidak memberi kesan negatif terhadap alam sekitar. Hal ini tercermin dari adanya usaha *Green Eco-Batik* di KBL bagi mengurangkan pencemaran alam sekitar yang berlaku di perusahaan batik di KBL (Setiawati, Nursian dan Zulfikar, 2015). Ketiga, kelestarian melibatkan perhubungan yang bersifat asas (*fundamental*). Hubungan bersifat asas ini melibatkan tiga subjek utama yakni perusahaan, komuniti dan budaya tempatan, seperti mana perusahaan batik di KBL.

Keempat, kelestarian berdasarkan Konsep *Triple Bottom Line* oleh Elkington (1994; 1998) merujuk kepada keseimbangan sosial, ekonomi dan alam sekitar. Merujuk kepada konsep ini, hal ini juga terlihat kepada industri dan perusahaan batik di KBL, Surakarta yang mampu bertahan sehingga kini. Justeru, timbul persoalan iaitu adakah kelestarian industri dari aspek ekonomi antara faktor terpenting dalam memastikan perusahaan batik di KBL terus bertahan sehingga kini, walaupun terdapat persaingan dengan perusahaan batik moden di Indonesia? Ataupun apakah faktor sosial dan alam sekitar merupakan faktor yang lebih dominan berbanding ekonomi dalam menyumbang kepada kelestarian perusahaan batik di KBL? Persoalan ini ditimbulkan kerana perusahaan batik di KBL dilihat telah memberikan limpahan sosial kepada komuniti tempatan melalui; kewujudan perhubungan yang baik dengan pekerja, keutamaan pengambilan pekerja dari masyarakat tempatan, menghapuskan diskriminasi gender, memberikan kemudahan kesihatan dan keselamatan yang selayaknya kepada pekerja serta memberikan peluang pendidikan dan latihan (Hariyani, Antariksa dan Pratomo, 2006; Maulana dan Nurini, 2010; Setiawati, Nursian dan Zulfikar, 2015; Dibyo dan Sujadi, 2018). Malah, dari aspek alam sekitar, perusahaan batik di KBL terus berusaha meningkatkan kebajikan

masyarakat dengan melindungi sumber material yang digunakan untuk keperluan orang awam dan memastikan bahawa sisa pepejal dapat diurus dengan baik, bagi mencegah kerosakan alam sekitar (Pratiwi dan Pravasanti, 2018 dan Lolo dan Pambudi, 2020).

Kelima, kajian ini juga mengandaikan bahawa peranan budaya merupakan salah satu elemen penting yang telah menyumbang kepada kelestarian perusahaan batik dan pembangunan komuniti di KBL. Hal ini perlu diberi perhatian memandangkan budaya diklasifikasikan sebagai teras keempat dalam konsep pembangunan lestari, selain ekonomi, alam sekitar dan sosial (Isra, 2017). Peranan budaya dalam pembangunan lestari menurut Dessein et al. (2015) tertakluk kepada tiga peranan utama, iaitu; pertama, peranan budaya dalam pembangunan lestari (*culture in sustainable development*); kedua, peranan budaya untuk pembangunan lestari (*culture for sustainable development*) dan ketiga, peranan budaya sebagai pembangunan lestari (*culture as sustainable development*). Menyimpulkan peranan budaya dalam konteks pembangunan lestari, jelas sekali budaya merupakan elemen yang berdiri sendiri tetapi berperanan menyeimbangkan antara tekanan dan keperluan ekonomi, sosial dan alam sekitar serta menjadi tunjang kepada segala keputusan, tindakan dan keprihatinan manusia dalam mencapai pembangunan. Kajian ini juga ingin melihat, apakah budaya di KBL juga turut mempengaruhi perhubungan antara kelestarian perusahaan dengan dapatan pembangunan di KBL dilihat dari aspek kesejahteraan dan modal sosial.

Oleh yang demikian, kajian ini sangat penting untuk dijalankan memandangkan perusahaan batik di KBL, Surakarta dilihat sebagai satu industri yang lestari daripada aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. Selain itu, kelestarian perusahaan batik di KBL juga dilihat telah berjaya membangunkan komuniti dengan pengekalan unsur-unsur budaya tempatan (Maulana dan Nurini, 2010; Setiawati, Abdullah dan Lasiyo, 2011; Setiawati, Nursian dan Zulfikar, 2015). Kelestarian perusahaan batik di KBL, Surakarta dan sejarahnya yang panjang dan kaitannya terhadap pembangunan komuniti tempatan perlu diberikan perhatian dan dikaji secara mendalam. Elemen budaya yang ingin dikaji bersama dengan kelestarian perusahaan adalah wujud dari hasil kebijaksanaan, kreativiti dan inisiatif yang muncul daripada komuniti dan usahawan batik di KBL Surakarta, sama ada berbentuk material mahupun bukan material. Budaya dalam kajian ini berasal daripada interaksi komuniti dengan alam sekitar yang mempengaruhi perhubungan diantara perusahaan batik dengan pembangunan komuniti di KBL, Surakarta.

Pembangunan komuniti lestari adalah pendekatan pembangunan yang memfokuskan usaha kolektif masyarakat untuk memperbaiki keadaan hidup mereka dengan bergantung kepada inisiatif dan tindakan mereka sendiri (Phillip dan Pittman, 2009 dan Awortwi, 2012). Pembangunan komuniti bukan hanya bertujuan untuk meningkatkan status ekonomi ahli komuniti tempatan, tetapi lebih untuk meningkatkan modal sosial mereka (Green dan Haines, 2002; Embong, 2007). Sejarah dan keberadaan perniagaan komuniti batik yang panjang di KBL, Surakarta dalam mengembangkan komuniti dengan meningkatkan kesejahteraan komuniti dan modal sosial inilah yang mendorong kajian ini dijalankan.

1.4. OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincangkan, secara amnya kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor kelestarian industri dan perusahaan batik di KBL, Surakarta berdasarkan faktor sosial, ekonomi dan alam sekitar serta pengaruhnya terhadap pembangunan komuniti tempatan dengan melihat pengaruh faktor budaya sebagai pemboleh ubah penyederhana. Untuk mencapai tujuan tersebut, kajian ini menggariskan beberapa objektif seperti berikut:

- i. Mengenal pasti faktor kelestarian industri dan aspek kelestarian perusahaan batik di KBL.
- ii. Mengenal pasti faktor yang menentukan kesejahteraan, modal sosial dan kekuatan budaya dalam kalangan komuniti di KBL.
- iii. Menganalisis faktor kelestarian perusahaan batik di KBL dan kesannya terhadap pembangunan komuniti tempatan khususnya dari sudut kesejahteraan dan modal sosial.
- iv. Menganalisis faktor budaya sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam mempengaruhi hubungan antara kelestarian perusahaan batik dan pembangunan komuniti di KBL.

1.5. PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah diuraikan, terdapat beberapa persoalan yang dapat ditimbulkan dalam kajian ini iaitu:

- i. Apakah faktor kelestarian industri dan aspek kelestarian perusahaan batik di KBL?
- ii. Apakah faktor yang menentukan kesejahteraan, modal sosial dan kekuatan budaya dalam kalangan komuniti di KBL?
- iii. Sejauh manakah faktor kelestarian industri mempengaruhi kelestarian perusahaan batik di KBL?
- iv. Sejauh manakah kelestarian perusahaan batik di KBL mempengaruhi pembangunan komuniti setempat khususnya dari sudut kesejahteraan komuniti dan modal sosial?
- v. Adakah faktor budaya memberikan kesan terhadap perhubungan di antara kelestarian perusahaan batik dan pembangunan komuniti di KBL?

1.6. HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan permasalahan kajian dan objektif kajian ini, beberapa hipotesis dibentuk sebagai satu pernyataan ramalan terhadap hasil dapatan kajian yang akan dianalisis. Terdapat tujuh (7) hipotesis yang telah dibentuk berdasarkan objektif ketiga, keempat dan kelima dalam kajian ini. Hipotesis kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis alternatif (H_a) serta diuji kebenarannya pada paras nilai $p < 0.05$ iaitu:

- Ha1: Wujud hubungan yang signifikan antara faktor ekonomi dengan kelestarian perusahaan batik di KBL, Surakarta.
- Ha2: Wujud hubungan yang signifikan antara faktor alam sekitar dengan kelestarian perusahaan batik di KBL, Surakarta
- Ha3: Wujud hubungan yang signifikan antara faktor sosial dengan kelestarian perusahaan batik di Kampung Batik Laweyan Surakarta.
- Ha4: Wujud hubungan yang signifikan antara kelestarian perusahaan dengan kesejahteraan komuniti di Kampung Batik Laweyan Surakarta.
- Ha5: Wujud hubungan yang signifikan antara kelestarian perusahaan dengan modal sosial di KBL, Surakarta.
- Ha6: Terdapat pengaruh penyederhanaan budaya terhadap perhubungan di antara kelestarian perusahaan batik dan kesejahteraan dalam kalangan komuniti di KBL
- Ha7: Terdapat pengaruh penyederhanaan budaya terhadap perhubungan di antara kelestarian perusahaan batik dan modal sosial dalam kalangan komuniti di KBL

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Pengetahuan dan kajian mengenai kelestarian perusahaan komuniti dan sumbangannya kepada pembangunan komuniti adalah sangat kurang di Indonesia. Hal ini dibincangkan secara terperinci dalam Bab Dua kajian ini. Walaupun hasil kajian ini sukar di generalisasi kerana kajian ini hanya meliputi satu perusahaan komuniti sahaja iaitu industri batik, namun hasil kajian ini boleh dijadikan titik rujuk kepada kajian-kajian seterusnya di peringkat nasional. Selain itu, kajian ini juga penting dijalankan atas tiga alasan yang utama.

Pertama, kajian ini sangat penting kepada pihak pembuat dasar di Indonesia untuk memahami implikasi kelestarian perusahaan batik di KBL dari aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. Melalui kajian ini, kefahaman terhadap perhubungan antara kelestarian perusahaan dengan pembangunan komuniti tempatan, serta pemahaman tentang peranan budaya sebagai faktor penyederhana di antara perhubungan kelestarian perusahaan dengan pembangunan komuniti dilihat dari sudut kesejahteraan komuniti dan modal sosial yang terbentuk di KBL Surakarta dapat dijelaskan khususnya kepada pembuat dasar agar kepentingan budaya terus diutamakan dalam program-program pembangunan pada masa hadapan.

Kedua, dalam konteks disiplin ilmu, perbincangan tentang faktor kelestarian perusahaan dalam struktur industri dan hubungannya dengan kejayaan pembangunan komuniti setempat serta peranan budaya dalam mewujudkan pembangunan komuniti lestari sebagaimana dalam komuniti di KBL Surakarta setakat ini masih terhad. Justeru, kajian ini penting untuk dijalankan dan diharapkan dapat menguatkan konsep kelestarian perusahaan yang berlandaskan komuniti. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat merungkai kepentingan budaya sebagai pemboleh ubah

penyederhana dalam mewujudkan pembangunan komuniti yang lestari. Pembangunan komuniti ini sama ada dilihat dari wujudnya peningkatan kesejahteraan komuniti ataupun semakin kuatnya modal sosial setempat.

Ketiga, penyelidikan dalam bidang kelestarian melibatkan konsep multidisiplin dan kompleks sebagai suatu bidang kajian. Dalam bidang ini, pengaruh budaya dalam pembangunan komuniti lestari merupakan konsep baru yang perlu dikaji secara mendalam, khususnya di Indonesia. Di Indonesia, kajian ini dapat menambah khazanah keilmuan dalam konsep pembangunan komuniti lestari (*sustainable community development*). Melalui kajian ini juga pengaruh budaya terhadap kelestarian perusahaan dan pembangunan komuniti dapat lebih difahami oleh masyarakat, para penyelidik dan pihak kerajaan.

1.8 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Bagi mencapai matlamat daripada objektif kajian yang telah dihuraikan sebelumnya, maka skop kajian tesis ini difokuskan kepada faktor yang mempengaruhi kelestarian perusahaan batik di KBL, Surakarta yang dilihat dari faktor sosial, ekonomi dan alam sekitar dalam struktur perindustrian. Kajian ini juga mengkaji sejauh mana pengaruh kelestarian perusahaan batik terhadap pembangunan komuniti di KBL dilihat dari sudut kesejahteraan komuniti dan modal sosial setempat. Kajian ini juga meneroka peranan budaya sebagai pemboleh ubah penyederhana terhadap perhubungan antara kelestarian perusahaan batik terhadap pembangunan komuniti di KBL, Surakarta yang dilihat dari sudut kesejahteraan komuniti dan modal sosial setempat. Bagi menjadikan kajian ini lebih terfokus, beberapa batasan kajian ditetapkan sebagai berikut:

1.8.1 Batasan Subjek Kajian

Bagi batasan subjek kajian ini, terdapat tiga fokus utama yang akan dikaji secara mendalam; Fokus kajian yang pertama ialah faktor-faktor kelestarian perusahaan dalam struktur industri batik di KBL, Surakarta iaitu faktor ekonomi, sosial dan alam sekitar. Fokus kajian yang kedua adalah hubungan antara kelestarian perusahaan batik dan pembangunan komuniti di KBL, Surakarta dengan indikator kesejahteraan komuniti dan modal sosial sebagai wujud kejayaan pembangunan komuniti tempatan. Sedangkan fokus kajian yang ketiga adalah peranan budaya sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam hubungan antara kelestarian perusahaan batik di KBL, Surakarta dengan pembangunan komuniti setempat.

1.8.2 Batasan Kandungan dan Analisis

Amnya kajian ini menumpukan kepada kelestarian perusahaan batik di KBL, Laweyan, Surakarta. Kelestarian perusahaan batik yang diteroka dalam kajian ini tertumpu kepada faktor sosial industri, ekonomi industri dan alam sekitar industri, serta sejauh manakah faktor kelestarian industri mempengaruhi kelestarian perusahaan batik di KBL. Seterusnya kajian ini juga mengukur sejauh mana pengaruh kelestarian perusahaan batik terhadap pembangunan komuniti di KBL, Surakarta yang dilihat dari sudut kesejahteraan komuniti dan modal sosial tempatan. Akhir sekali, kajian ini turut menganalisis pengaruh peranan budaya terhadap perhubungan di antara kelestarian perusahaan batik dan pembangunan komuniti tempatan. Skop dan batasan kajian ini diperincikan lagi seperti berikut:

- i. Batasan dalam pengukuran pembangunan komuniti. Ukuran pembangunan komuniti yang dikaji dalam kajian ini hanya terhad kepada peningkatan kesejahteraan komuniti dan modal sosial komuniti setempat di KBL akibat kewujudan kelestarian perusahaan batik.
- ii. Dari aspek lokasi, kajian ini hanya dilaksanakan di Kampung Batik Laweyan, (KBL), Surakarta, Indonesia. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini mungkin tidak sesuai digunakan untuk menerangkan fenomena di tempat yang lain. Terdapat tiga alasan utama mengapa Laweyan dipilih sebagai lokasi kajian dan hal ini dijelaskan dengan lebih lanjut dalam Bab 3 di Bahagian Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian.
- iii. Dari aspek responden kajian, kajian ini hanya memilih usahawan atau pengurus perusahaan batik untuk mewakili perusahaan batik di KBL. Manakala penduduk setempat yang dipilih merupakan penduduk di kawasan KBL yang tinggal di kawasan kejiranan yang berhampiran dengan kawasan perusahaan batik, iaitu sekitar 1.5 KM²
- iv. Dari segi instrumen kajian, kajian ini memilih menggunakan borang soal selidik. Kajian ini menggunakan kaedah analisis *Partial Least-Square Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) sebagai kaedah penganalisan data dalam mengukur sejauh mana pengaruh kelestarian perusahaan batik terhadap pembangunan komuniti dan peranan budaya sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam model kajian, maka analisis laluan (*path analysis*) dan ujian hipotesis telah dipilih. Bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian perusahaan batik dan faktor-faktor yang

menentukan kesejahteraan komuniti, modal sosial dan kekuatan budaya di KBL analisis deskriptif telah dipilih.

- v. Dari segi kos, kos kajian ini ditanggung sepenuhnya oleh penyelidik. Kos yang tinggi meliputi kos kutipan data kerana kajian ini melibatkan jumlah responden yang agak ramai iaitu 510 orang terdiri dari 254 usahawan batik dan 256 ahli komuniti di KBL.

Berdasarkan keterbatasan yang dijelaskan, maka kajian ini menyarankan agar kajian pada masa hadapan dapat mencakupi skop yang lebih luas khususnya melibatkan pelbagai perusahaan komuniti yang lain supaya dapatan kajian tersebut dapat digunakan untuk menerangkan fenomena kesan kelestarian perusahaan terhadap pembangunan komuniti. Selain itu, pengukuran kelestarian sebaiknya dilakukan secara *longitudinal* bukan secara *cross-sectional*, agar punca dan kesan kelestarian terhadap pembangunan komuniti dapat dijelaskan dengan lebih baik.

1.9 DEFINISI OPERASIONAL

Tesis ini terdiri daripada enam tema utama. Bagi menjelaskan maksud enam tema utama dalam kajian ini, definisi operasional bagi setiap tema tersebut dinyatakan satu per satu. Enam tema tersebut iaitu, pembangunan komuniti (*community development*) yang dilihat dari sudut kesejahteraan komuniti (*community well-being*) dan modal sosial (*social capital*), kelestarian industri dan kelestarian perusahaan (*sustainability*) batik daripada faktor sosial, ekonomi dan alam sekitar. Manakala faktor budaya (*culture*) dijadikan sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam melihat kesan kelestarian perusahaan KBL terhadap pembangunan komuniti tempatan.

1.9.1. Pembangunan Komuniti

Istilah pembangunan komuniti merupakan gabungan dua perkataan iaitu pembangunan dan komuniti. Komuniti terbentuk apabila penduduk di tempat tertentu digerakkan untuk bertindak berasaskan kepentingan kolektif yang berorientasikan lokaliti (Robinson dan Green, 2011). Wilkinson (1999) menambah kriteria, selain tindakan kawasan dan kolektif, bahawa terdapat organisasi tempatan yang mengikat pada definisi komuniti.

Konsep komuniti dalam konteks tempat dan ruang merujuk kepada kawasan geografi iaitu, tempat masyarakat berinteraksi dan memiliki ikatan psikologi antara satu sama lainnya di tempat mereka hidup bersama (Theodori, 2005; Robinson dan Geen, 2011). Komuniti memiliki banyak makna dari tempat fizikal yang dibatasi secara geografi dengan orang-orang yang hidup bersama, memenuhi keperluan, mata pencarian dan sekumpulan orang yang berinteraksi sosial. Interaksi ini tidak berdasarkan kepada kedekatan fizikal semata-mata tetapi juga atas kepentingan bersama.

Manakala pembangunan membawa beberapa maksud antaranya modenisasi, urbanisasi, industrialisasi, transformasi sosial atau politik, peningkatan teknologi dan pertumbuhan ekonomi. Semua ini bermakna bahawa idea pembangunan melibatkan usaha yang diarahkan kepada beberapa tujuan sosial atau ekonomi tertentu (Robinson dan Geen, 2011). Todaro dan Smith (2015) mendefinisikan pembangunan dengan lebih holistik dengan merujuk pembangunan sebagai proses menambahbaik kualiti kehidupan dan kemampuan manusia untuk meningkatkan taraf kehidupan, harga diri dan kebebasan.

Dalam kajian ini pembangunan komuniti merujuk kepada sekelompok masyarakat di satu kawasan (KBL) yang menjaga kelestarian komunitinya untuk mengubah situasi ekonomi, sosial, budaya dan/atau alam sekitar mereka menjadi lebih baik sebagai suatu perubahan yang terancang (Christenson dan Robinson 1989; Phillip dan Pittman, 2009). Perubahan yang diharapkan adalah adanya peningkatan kesejahteraan komuniti dan peningkatan kualiti hidup masyarakat sesuai dengan nilai-nilai pembangunan (Todaro dan Smith, 2015; Rabie, 2016). Oleh itu, definisi pembangunan komuniti yang digunakan dalam kajian ini adalah proses penambahbaikan komuniti menuju peningkatan kesejahteraan komuniti dan modal sosial dan budaya di KBL Surakarta.

1.9.2. Kesejahteraan Komuniti

Istilah kesejahteraan komuniti mengikut Wiseman dan Brasher (2008), adalah gabungan keadaan sosial, ekonomi, alam sekitar, budaya dan politik yang dikenal pasti oleh individu dan komuniti mereka sebagai sesuatu yang penting bagi mereka yang membolehkan mereka berkembang serta memenuhi potensi mereka. Justeru, kesejahteraan komuniti merujuk kepada sekumpulan manusia yang hidup bersama dalam skala komuniti atau memiliki peranan dalam skala komuniti bagi mencapai kesejahteraan setiap individu dalam komuniti tersebut. Musa et al. (2019), memperincikan lagi beberapa aspek kesejahteraan komuniti yang meliputi, keselamatan, daya tarikan aktiviti ekonomi, alam sekitar, perasaan kekeluargaan dalam masyarakat, ekonomi tempatan, peningkatan peluang untuk mengekspresikan kreativiti dan nilai-nilai artistik serta pengurangan jenayah.

Oleh itu, definisi kesejahteraan komuniti dalam kajian ini merujuk kepada definisi yang dikemukakan oleh Wiseman dan Brasher (2008) dan Musa et al. (2018); iaitu gabungan keadaan sosial, ekonomi, alam sekitar, budaya dan politik yang penting terhadap ahli komuniti di KBL untuk mereka berkembang dan memenuhi potensi mereka ke arah meningkatkan kesejahteraan komuniti sebagai sebuah komuniti setempat yang membangun.

1.9.3. Modal Sosial

Modal sosial adalah maklumat, amanah, dan norma timbal balik yang diwarisi dalam rangkaian sosial seseorang (Woolcock dan Narayan, 2000). Manakala Coleman (1994), mentakrifkan modal sosial dari aspek fungsinya. Modal sosial bukan entiti tunggal, tetapi pelbagai entiti berbeza yang mempunyai dua ciri sebagai modal dan sosial; semuanya terdiri daripada beberapa aspek struktur sosial dan mereka memudahkan tindakan tertentu individu yang berada dalam sebuah struktur. Modal sosial boleh ditakrifkan sebagai kewujudan nilai atau norma dan jaringan sosial yang dikongsi dalam kalangan anggota kumpulan masyarakat yang bekerjasama (Putman, 1993; Coleman, 1994; Coleman, 2000; Fukuyama, 1995; McClenaghan, 2000; Narayan dan Cassidy, 2001; Kay, 2005).

Oleh itu, definisi modal sosial yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada kewujudan nilai atau norma yang dikongsikan dalam kalangan ahli komuniti, sama ada sebagai usahawan mahupun sebagai ahli komuniti di KBL yang meliputi; maklumat, amanah dan norma timbal balik yang berlaku dalam perhubungan sosial. Kesemua ini membantu individu itu berkembang dan memenuhi potensi mereka dan seterusnya mewujudkan kemajuan pembangunan komuniti tempatan.

1.9.4. Kelestarian Industri dan Perusahaan

Istilah kelestarian bukan lagi merupakan sebuah konsep yang baru dan asing. Walaupun telah ada lebih daripada 50 definisi mengenai konsep kelestarian (Jorna, 2006) dan lebih daripada 60 definisi kelestarian (Van Kooten dan Bulte, 2000), namun masih belum ada satu definisi umum untuk konsep kelestarian. Kelestarian mempunyai kaitan rapat dengan ekologi dan alam sekitar yang hijau (Jorna, 2006). Kelestarian merujuk kepada konsep Garbie (2016), dikelompokkan dalam dua tahap; iaitu tahap mikro pada perusahaan (*micro-level of sustainability*) dan tahap makro pada suatu industri (*macro-level of sustainability*).

Mengikut Elkington (1994) kelestarian industri didefinisikan dalam tiga faktor dimensi; sosial, ekonomi dan alam sekitar atau tiga teras kelestarian. Dalam kajian ini, kelestarian industri dan perusahaan ialah satu set faktor yang sangat penting yang akan mengintegrasikan kelestarian sosial, ekonomi, dan alam sekitar ke dalam satu konsep kelestarian. Konsep kelestarian ini telah pun dipraktikkan oleh perusahaan-perusahaan dalam industri batik di KBL, Surakarta selama ini bagi mempertahankan kelangsungan perniagaannya.

Oleh itu, dalam konteks kajian analisis faktor kelestarian perusahaan batik di KBL, Surakarta dan impaknya terhadap pembangunan komuniti tempatan, definisi kelestarian yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah satu set indikator yakni faktor sosial, ekonomi dan alam sekitar yang digunakan untuk mengukur kelestarian industri (Azapagic dan Perdan, 2000; Slaper dan Hall, 2011; Yadav et al., 2017, dan Cagno et al., 2019) untuk pengukuran daripada sektor perusahaan batik

1.9.5. Budaya

Budaya mengikut tokoh utama Antropologi Budaya, Sir Edward Burnett Tylor (1871) adalah keseluruhan pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, hukum, adat istiadat dan semua kemampuan dan kebiasaan lain yang diperoleh seseorang sebagai ahli komuniti masyarakat (Horton dan Chester, 1996). Budaya berasal dari Sanskerta '*buddhayah*', yang merupakan jamak daripada kata '*budhi*' yang bermaksud penjelmaan bentuk cipta, rasa dan niat manusia (Koentjoroningrat (1998). Menurut Koentjoroningrat (2009), budaya mempunyai beberapa bentuk yang meliputi; pertama, bentuk budaya sebagai idea, gagasan, nilai, atau norma; kedua, bentuk budaya sebagai aktiviti atau corak tindakan manusia dalam masyarakat; ketiga adalah bentuk budaya sebagai objek yang dibuat oleh manusia. Bentuk budaya ini bersifat konkrit kerana budaya merupakan objek dari semua ciptaan, karya, tindakan, kegiatan, atau tindakan manusia dalam masyarakat. Budaya manusia adalah dalam bentuk objek budaya atau budaya fizikal yang bersumberkan daripada budaya manusia dalam bentuk sistem nilai yang merupakan pedoman dan pandangan hidup dalam satu komuniti Kaelan (2013).

Definisi budaya yang digunakan dalam kajian ini adalah hasil kebijaksanaan, kreativiti dan inisiatif yang muncul daripada komuniti dan usahawan batik di KBL Surakarta, sama ada berbentuk material mahupun bukan material. Budaya dalam kajian ini berasal daripada interaksi komuniti dengan alam sekitar yang mempengaruhi hubungan antara perusahaan batik dengan pembangunan komuniti di KBL Surakarta.